



MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI

PEMBERITAHUAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia dari semua kaum, termasuk orang kurang upaya (OKU). Keutamaan akan diberikan kepada **RAKYAT NEGERI JOHOR DARUL TA'ZIM** untuk mengisi jawatan berikut di Majlis Bandaraya Iskandar Puteri :-

A. JAWATAN KOSONG

1	SKIM PERKHIDMATAN	:	PEGAWAI PERANCANG BANDAR DAN DESA GRED J48/J52
	KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	:	KEJURUTERAAN
	KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
	TARAF JAWATAN	:	TETAP
	JADUAL GAJI	:	RM 5,208.00-RM 11,766.00

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (i) Bagi Kenaikan Pangkat ke gred 48, pegawai telah berada pada gred 44 sekurang-kurangnya selama **6 tahun**. Jika dalam tempoh 6 tahun mendatang, pegawai tersebut akan bersara, maka boleh dipertimbangkan secara khas dengan syarat mempunyai tiga (3) tahun prestasi yang boleh dinilai.
- (ii) Memperolehi pencapaian prestasi sekurang-kurangnya **85%** secara purata dalam tempoh 3 tahun berturut-turut;
- (iii) Memperoleh penilaian kecemerlangan pada tahap baik / cemerlang yang dinilai oleh Ketua Jabatan sebelum di bawa ke Lembaga Kenaikan Pangkat;
- (iv) Diperakukan oleh Ketua Jabatan;
- (v) Bebas dari tindakan atau hukuman tatatertib;

- (vi) Telah mengisytiharkan harta berdasarkan peraturan yang berkuatkuasa;
- (vii) Bebas daripada disenaraikan peminjam pendidikan tegar dari institusi pinjaman pendidikan; dan
- (viii) Lulus Tapisan Keutuhan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.
- (viii) **Pemohon-pemohon daripada penjawat awam yang sedang berkhidmat adalah diminta menghantar segala dokumen di perenggan i hingga viii secara serahan tangan atau melalui pos ke Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Bandaraya Iskandar Puteri, 81300 Skudai, Johor Bahru.**

2	SKIM PERKHIDMATAN	:	PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT F41
	KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	:	SISTEM MAKLUMAT
	KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
	TARAF JAWATAN	:	KONTRAK
	JADUAL GAJI	:	RM 2,315.00-RM 9,618.00

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (i)
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - (c)(i) Ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam bidang sains komputer dan teknologi maklumat atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred F41 : RM 2,315.00) atau
 - (ii) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan dalam bidang komputer atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred F41 : RM 2,522.44) atau
 - (iii) Ijazah sarjana dalam bidang sains komputer, teknologi maklumat, kejuruteraan komputer atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh

Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred F41 : RM 2,833.78) atau

(iv) Ijazah doktor falsafah (PhD) dalam bidang sains komputer, teknologi maklumat, kejuruteraan komputer, atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred F41 : RM 3,145.11).

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

PENETAPAN GAJI PERMULAAN

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred F41 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

3	SKIM PERKHIDMATAN	:	PENOLONG PEGAWAI PENGUATKUASA KP29
	KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	:	KESELAMATAN DAN PERTAHANAN AWAM
	KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PELAKSANA
	TARAF JAWATAN	:	TETAP
	JADUAL GAJI	:	RM 1,360.00-RM 4,052.00

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (i) (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c)(i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP29 : RM 1,493.00) atau

(ii) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP29 : RM 1,493.00) atau

(iii) bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Sarjan atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP29 : RM 1,493.00) atau

(iv) diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP29 : RM 1,770.95) atau

(v) diploma dalam bidang undang-undang yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP29 : RM 1,846.15) dan

(d) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:

(i) Tinggi sekurang-kurangnya 1.57m;

(ii) Berat badan sekurang-kurangnya 48kg;

(iii) Mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;

(iv) Mempunyai sekurang-kurangnya 79sm ukuran dada yang biasa dan 84sm semasa menarik nafas;

(v) Lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;

(vi) Pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan

(vii) Diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh Pengamal Perubatan yang berdaftar

2. Calon bagi lantikan dengan kelayakan 1(c)(i), 1(c)(ii), 1(c)(iv) atau 1(c)(v) hendaklah memiliki Kepujian sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada

peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

PENETAPAN GAJI PERMULAAN

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred KP29 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

4	SKIM PERKHIDMATAN	:	PENOLONG PEGAWAI KESIHATAN PERSEKITARAN U29
	KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	:	PERUBATAN DAN KESIHATAN
	KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PELAKSANA
	TARAF JAWATAN	:	TETAP / KONTRAK
	JADUAL GAJI	:	RM 1,797.00 - RM 5,753.00

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (i) (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - (c) diploma dalam bidang kesihatan persekitaran yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred U29 : RM 1,797.00).
2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

PENETAPAN GAJI PERMULAAN

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred U29 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

5	SKIM PERKHIDMATAN	:	PENOLONG PEGAWAI PERTANIAN G29
	KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	:	PERTANIAN
	KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PELAKSANA
	TARAF JAWATAN	:	KONTRAK
	JADUAL GAJI	:	RM 1,494.00-RM 5,674.00

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - (c)(i) Sijil Pertanian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi latihan tempatan atau kelayakan yang setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred G29 : RM 1,494.00) atau
 - (ii) Diploma dalam bidang pertanian yng diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred G29 : RM 1,847.86).
2. Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

PENETAPAN GAJI PERMULAAN

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi mengikut gaji minimum Gred G29 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

6	SKIM PERKHIDMATAN	:	PEMBANTU KESIHATAN AWAM U19
	KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	:	PERUBATAN DAN KESIHATAN
	KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PELAKSANA
	TARAF JAWATAN	:	TETAP
	JADUAL GAJI	:	RM 1,360.00 - RM 4,052.00

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
- (i) (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - (c)(i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Kelayakan lantikan untuk kegunaan di Pihak Berkuasa Tempatan).
(Gaji permulaan ialah pada Gred U19: RM 1,360.00) atau
 - (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Pembantu Kesihatan Awam yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred U19: RM 1,418.12)

*(HANYA CALON YANG MEMILIKI
SIJIL PEMBANTU KESIHATAN AWAM YANG DIIKTIRAF OLEH KEMENTERIAN
KESIHATAN MALAYSIA SAHAJA AKAN DIPANGGIL TEMUDUGA)*

2. Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

PENETAPAN GAJI PERMULAAN

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred U19 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

7	SKIM PERKHIDMATAN	:	PEMBANTU OPERASI N11
	KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	:	PENTADBIRAN DAN SOKONGAN
	KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PELAKSANA
	TARAF JAWATAN	:	TETAP/KONTRAK
	JADUAL GAJI	:	RM 1,216.00-RM 2,983.00

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c)(i) Pentaksiran Tingkatan Tiga/ Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N11 : RM 1,216.00) atau

- (ii) Pentaksiran Tingkatan Tiga/ Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan memiliki lesen memandu Kelas B2/B/D/E2/E1/E yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [Kecuali Lesen Memandu Percubaan (P)]

(Gaji permulaan ialah pada Gred N11 : RM 1,262.15).

2. Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/ Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

PENETAPAN GAJI PERMULAAN

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi mengikut gaji minimum Gred N11 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

8	SKIM PERKHIDMATAN	:	PEMANDU KENDERAAN H11
	KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	:	KEMAHIRAN
	KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PELAKSANA
	TARAF JAWATAN	:	TETAP
	JADUAL GAJI	:	RM 1,218.00-RM 2,939.00

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan

- (c)(i) Pentaksiran Tingkatan Tiga/ Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- (ii) Lesen memandu Kelas D/E/E1/E2/F/G/H/I yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali lesen memandu dalam temoh percubaan (P)]; dan
- (iii) Berkebolehan memandu, mengendali dan menyenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini.

Gaji permulaan Gred H11 ditetapkan mengikut Kelas Lesen Memandu:

- Lesen D : RM 1,264.15
- Lesen E/E1/E2 : RM 1,310.30
- Lesen F : RM 1,356.45
- Lesen G/I : RM 1,402.60

2. Kejujuran (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga / Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

PENETAPAN GAJI PERMULAAN

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred H11 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

9	SKIM PERKHIDMATAN	:	PEMBANTU AWAM GRED H11
	KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	:	KEMAHIRAN
	KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PELAKSANA
	TARAF JAWATAN	:	TETAP/KONTRAK
	JADUAL GAJI	:	RM 1,218.00 – RM 2,939.00

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (i) (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan

- (c) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred H11: RM 1,218.00)

(Syarat Tambahan : Bagi tugas menyelamat, calon perlu memiliki Sijil Pertolongan Cemas serta berkebolehan berenang dan bagi tugas memandu enjin sangkut/motobot, calon perlu memiliki perakuan kekompetenan berkaitan daripada Jabatan Laut Malaysia).

(Gaji permulaan ialah pada Gred H11: RM 1,264.15)

2. Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

PENETAPAN GAJI PERMULAAN

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred H11 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

B. PEMBERIAN ELAUN DAN KEMUDAHAN

- i) Imbuhan Tetap Perumahan
- ii) Imbuhan Tetap Khidmat Awam
- iii) Bantuan Sara Hidup

C. CARA MEMOHON

- i) Permohonan hendaklah dibuat secara on-line di laman web Rasmi Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP) iaitu <http://jawatan.mbip.gov.my>
- ii) Permohonan daripada calon yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan atau Badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan dengan menyertakan salinan kenyataan perkhidmatan yang dikemaskini dan 3 laporan penilaian prestasi tahunan yang terakhir sepertimana mengikut

peraturan 17 Bab A Tahun 2005 di bawah peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat, dan penamatan Perkhidmatan).

- iii) Sebarang masalah berkaitan penjawatan sila hubungi **Encik Azrullail bin Masijan di talian 07-5555205** Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Bandaraya Iskandar Puteri.
- iv) Sebarang kemusykilan sila hubungi **Encik Sadeli Bin Naiman ditalian 07-5555272 (pej)** Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Bandaraya Iskandar Puteri.

D. TARIKH TUTUP PERMOHONAN

Sebelum atau pada _____.

- E. Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dihubungi untuk dipanggil temuduga. Mereka yang tidak menerima sebarang jawapan atau yang tidak dihubungi hendaklah menganggap permohonan **TIDAK BERJAYA**. Segala perbelanjaan kerana menghadiri temuduga adalah tanggung jawab pemohon sendiri. Pemohon yang tidak menerima jawapan selepas 2 minggu dari tarikh temuduga dianggap *tidak berjaya*.
- F. Segala sijil kelayakan hendaklah diisi mengikut butiran sijil asal. Pihak Majlis berhak tidak membenarkan tuan/puan untuk ke sesi temuduga jika didapati butiran yang diisi tidak sama dengan sijil asal.

(HAJI ADIB AZHARI BIN DAUD)
Datuk Bandar,
Majlis Bandaraya Iskandar Puteri